

## Berita-berita Ringkas dari Alam Islami

### Mencari penyelesaian damai

Kerajaan Iraq baru yang wi bawah<sup>1</sup> pimpinan Syed Abdul Rahman Arif, pada masa ini sedang menganjurkan suatu penyelesaian damai dengan kaum Kurdi, dengan tujuan untuk mempersatu paduan seluruh rakyat Iraq, serta membasi rasa perkauman di antara rakyat Iraq yang berketurunan Arab dengan rakyat Iraq yang berketurunan Kurdi.

Kaum Kurdi adalah satu kabilah yang berasal dari keturunan Turki yang mendiami wilayah-wilayah di utara negeri Iraq yang telah beberapa kali mengadakan pemberontakan bersenjata menentang kerajaan kerana menuntut supaya wilayah-wilayah utara yang mereka diami diberi kemerdekaan penuh oleh kerajaan Iraq.

kami pun turunlah dari kapal terbang itu dan terus berjalan menuju ke pintu keluar. Saya dapati jalan keluar tidak sebagaimana yang pernah saya lalui, tetapi perjalanan itu terus sahaja keluar. Saya rasa mungkin itu kerana kedatangan kami dari daerah tanah Saudi sendiri. Tidak berapa lama barang-barang kami pun dikeluarkan dari pintu *gate* lapangan terbang itu, maka kami pun mengambil barang-barang masing-masing dibawa keluar. Pada masa itu saya melihat pemandu kapal terbang dan beberapa orang pegawai kapal terbang yang baru kami tumpangi tadi menuju ke pintu *gate*, saya pun terus bertanya kepada mereka tentang *passport* kami yang ditahan itu, tetapi pertanyaan yang saya kemukakan itu tak ada seorang juapun yang menjawabnya . . .

(bersambung)

### ***Kulliyah al-Da'wah dan Uṣūl al-Dīn* akan dibuka**

Satu persetujuan telah dicapai oleh ibu pejabat *al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah* (Universiti Islam) di Makkah al-Mukarramah untuk membuka dua *kulliyah* baru yaitu *Kulliyah al-Da'wah* dan *Kulliyah Uṣūl al-Dīn* pada tahun pelajaran yang akan datang.

Persetujuan ini diambil sebagai menunaikan seruan yang telah dibuat oleh *Jalālah al-Malik al-Mu‘azzam* Āli al-Sa‘ūd. Manakala kedua-dua *kulliyah* itu dibuka kelak, maka sebanyak 180 biasiswa akan diuntukkan kepada pelajar-pelajar Islam dari 66 buah negeri. Dan satu pengumuman lagi telah disiarkan oleh Majlis Menteri-menteri kerajaan Saudi Arabia yang telah mengadakan persidangan pada bulan Ramaḍān yang lalu bahawa pada awal penggal tahun pelajaran yang akan datang sebanyak 80 biasiswa baru akan diberikan kepada pelajar-pelajar Islam dari seluruh dunia bagi menyambungkan pelajaran tinggi mereka di dalam *Kulliyah al-Sharī‘ah*.

### **Syarikat Amerika dikecam**

Sebuah syarikat Amerika “Zenith” telah mendapat kecaman hebat dan nama syarikat tersebut terus dicatitkan ke dalam daftar hitam oleh Kongres Negara-Negara Arab yang mengadakan persidangan di kota *Dimashq Sūriyā*. Tujuan persidangan Kongres itu diadakan ialah untuk mengadakan kepungan ekonomi terhadap negara Israel. Sebabnya maka syarikat itu dikecam ialah kerana syarikat tersebut telah bukongsi<sup>2</sup> dengan kerajaan Israel membina sebuah kilang di bumi Palestin yang dirampas. Jenis kilang yang akan dibina itu tidak pula diterangkan

<sup>1</sup> Ejaan yang sebenarnya di bawah

<sup>2</sup> Ejaan yang sebenarnya ialah berkongsi